

# KULIAH ZOHOR

**“Da`wah Berdasarkan Pengetahuan Lapangan,  
Bukan Andaian”**

**Masjid Maarof | 14 Mac 2018**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadith

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ، حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، عَنِ الْأَعْمَشِ، عَنْ أَبِي وَائِلٍ، عَنْ حُدَيْفَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " اَكْتُبُوا لِي مَنْ تَلَفَّظَ بِالْإِسْلَامِ مِنَ النَّاسِ " فَكَتَبْنَا لَهُ أَلْفًا وَخَمْسِمِائَةَ رَجُلٍ، فَقُلْنَا نَخَافُ وَنَحْنُ أَلْفٌ وَخَمْسِمِائَةٌ فَلَقَدْ رَأَيْنَا ابْتُلِينَا حَتَّى إِنَّ الرَّجُلَ لَيُصَلِّي وَحَدَهُ وَهُوَ خَائِفٌ.

# Terjemahan Hadith

- Huzaifah r.a telah berkata,

“Berkata Rasulullah s.a.w, ‘Catatkanlah untukku nama orang-orang yang telah menganut Islam.’ Maka kami mencatat seribu lima ratus orang dan kami berkata, ‘Apakah tuan merasa takut terhadap kami padahal kami kini seribu lima ratus orang?’ Kemudian nyata kami telah diuji dengan bala ketakutan sehingga adakalanya seorang itu bersembahyang sendirian kerana takut.” (Riwayat Al-Bukhari)

# Pengajaran Hadith

- Contoh yang baik dalam pengurusan dakwah.
- Guna kaedah pengumpulan data dan maklumat bagi mengetahui realiti dakwah, bukan atas andaian dan sangkaan semata-mata.
  - kumpul maklumat
  - kaji jumlah mereka yang telah masuk Islam
  - ada senarai golongan yang munafiq
  - merisik musuh-musuhnya.

- Kesemua ini dilakukan sedangkan Rasulullah s.a.w mendapat jaminan bantuan Allah taala dan amat yakin akan kekuasaan Allah taala dan segala janjiNya.
- Ajar akan kepentingan maklumat dan data bagi pengurusan dan perancangan dakwah.
- Jangan abaikan amalan ini hingga dakwah berjalan berdasarkan andaian dan sangkaan.
- Harus serius dalam melakukan pelbagai kajian lapangan, pengumpulan data dan maklumat bagi memahami persekitaran supaya dakwah lebih berkesan.

- Jangan sampai, program dakwah yang sama, berulang-ulang, bertindan, mengikut tren semata-mata, tidak menjurus pada akar masalah dan akhirnya pembaziran sumber.
- Sebab berleluasa sikap ini ialah kejahilan (*ignorance*), ambil jalan mudah, malas, mahu cepat, lokek untuk melabur sumber dan berbelanja untuk aktiviti yang penting tapi tidak mendatangkan pulangan wang secara langsung.
- Sunnah dakwah adalah sama
  - akan sentiasa melalui ujian
  - ujian akan terus menimpa ketika jumlah sedikit atau ramai

- Jangan menyangka, jumlah pengikut yang semakin ramai akan menjadikan dakwah lebih mudah dan selesai supaya tidak merasa puas (*complacent*).
  - hendaklah sentiasa siap siaga.
- Jumlah yang ramai hanya memberi pendakwah sumber yang lebih bagi melakukan usaha dakwah tetapi tidak merubah sunnah dakwah.
- Dalam keadaan krisis dan menghadapi ancaman yang besar, dibenarkan untuk menyembunyikan diri bagi mengelak dari kemusnahan dan kehancuran.

# KULIAH ZOHOR

**“Menangguh Usaha Ubah Kemungkaran & Anjur  
Kebaikan”**

**Masjid Maarof | 14 Mac 2018**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)



# Matn (Teks) Hadith

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :

يا عائشة، لولا أَنَّ قَوْمَكَ حَدِيثُ عَهْدٍ بِجَاهِلِيَّةٍ ، لَأَمَرْتُ بِالْبَيْتِ فَهْدِمَ ،  
فَأَدْخَلْتُ فِيهِ مَا أُخْرِجَ مِنْهُ ، وَالزَّقْتُهُ بِالْأَرْضِ ، وَجَعَلْتُ لَهُ بَابَيْنِ  
بَابًا شَرْقِيًّا وَبَابًا غَرْبِيًّا ، فَبَلَغْتُ بِهِ أَسَاسَ إِبْرَاهِيمَ .

# Terjemahan Hadith

- Dari Aisyah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud

“Seandainya bukan kerana kaummu yang masih baru [tinggalkan] kekufuran, aku akan perintahkan untuk meruntuhkan Ka`bah. Kemudian aku dirikan kembali dengan menambah apa yang telah dikurangi, ratakan ia atas bumi dan buat dua pintu; satu pintu timur dan satu pintu barat. Dengan itu aku sesuaikan ia dengan asas binaan Ibrahim.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

# Matn (Teks) Hadith

عن معاذ بن جبل ، رضي الله عنه ، قال: كنت ردف النبي صلى الله عليه وسلم ، على حمار فقال: " يا معاذ هل تدري ما حق الله على عباده، وما حق العباد على الله ؟ قلت: الله ورسوله أعلم. قال "فإن حق الله على العباد أن يعبدوه، ولا يشركوا به شيئاً، وحق العباد على الله أن لا يعذب من لا يشرك به شيئاً، فقلت، يا رسول الله أفلا أبشر الناس ؟ قال لا تبشرهم فيتكلوا"

# Terjemahan Hadith

- Telah berkata Muaz b Jabal r.a "Saya pernah dibonceng oleh Nabi s.a.w menaiki seekor keldai. Maka Nabi s.a.w bertanya kepadaku "Hai Mu`az, tahukah kamu apa hak Allah atas hambaNya dan apa hak hamba atas Allah? Maka aku katakan "Allah dan RasulNya lebih mengetahui" Maka nabi s.a.w bersabda "Hak Allah atas hambaNya adalah hendaknya mereka menyembah (beribadah) kepadaNya dan tidak mensyrikkanNya dengan sesuatu pun. Dan hak hamba atas Allah adalah Allah tidak akan menyiksa orang yang tidak musyrik kepadaNya." Aku berkata "Wahai Rasulullah, tidakkah sebaiknya aku sampaikan berita ini kepada manusia?" Nabi bersabda "Janganlah kamu memberi khabar gembira ini kepada mereka kerana mereka akan menjadi pasrah (bermalas-malasan)." (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

# Pengajaran Hadith

- Pelaksanaan dakwah haruslah melihat akan realiti yang dihadapi i.e keadaan masyarakat dan manusia yang kita berbicara dengannya.
- Sesuatu kebaikan tidak semestinya dilakukan dengan segera semata-mata tanpa ambil kira faktor-faktor lain.
- Sesuatu ajaran yang baik tidak semestinya disampaikan semata-mata kerana tanpa mengambil kira kesan ajaran berkenaan.

- Boleh tangguh perbuatan yang baik atau sampaikan ajaran yang baik jika ia tidak memberi maslahat yang besar atau menyebabkan mudharat yang lebih besar.
  - Rasulullah s.a.w tangguhkan hasrat untuk merobohkan Ka`abah dan membinanya semula mengikut saiz binaan nabi Ibrahim kerana takut fitnah dari orang-orang Quraisy yang baru sahaja masuk Islam
  - Rasulullah s.a.w cegah Muaz dari menyampaikan ajarannya jika ia akan mengakibatkan orang ramai menjadi malas untuk beribadah

- Cegah kemunkaran juga harus ambil kira pelbagai faktor
  - harus tangguh cegah kemunkaran jika ia akan mengakibatkan mudharat yang lebih besar
  - Rasulullah s.a.w yang menangguhkan tindakan memecahkan patong-patong di sekeliling Ka`abah hanya setelah Mekah dikuasai.
- Jangan terus tuduh abaikan tanggungjawab dakwah atau telah berkompromi
  - baik sangka dahulu
  - minta penjelasan
  - mungkin dia mempunyai pertimbangan-pertimbangan tertentu yang tidak diambil kira oleh orang lain atau hambatan-hambatan tertentu yang tidak dihadapi oleh orang lain.

- Dalil bagi prinsip *tadarruj* (bertahap-tahap) dalam melakukan perubahan.
- Ada maklumat yang sesuai bagi seseorang tetapi tidak sesuai bagi orang lain, sesuai bagi individu tetapi tidak sesuai bagi masyarakat umum.
  - penting, agar apa yang disampaikan itu sentiasa sesuai dengan sasarannya
  - bercakap dengan manusia mengikut tahap keupayaan akal mereka.



- Siapa yang tangguhkan amar makruf atau nahi munkar kerana alasan yang syar'ii, bagi dia hisab atas ijtihadnya
  - perlu ingat, Allah taala maha mengetahui akan isi hati manusia.

# KULIAH ZOHOR

**“Supaya Tidak Jemu Beribadah”**

**Masjid Maarof | 14 Mac 2018**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadith

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

إِنَّ لِكُلِّ عَمَلٍ شَرَّةً ثُمَّ فِتْرَةٌ فَمَنْ كَانَتْ فِتْرَتُهُ إِلَى بَدْعَةٍ فَقَدْ ضَلَّ وَمَنْ  
كَانَتْ فِتْرَتُهُ إِلَى سُنَّتِي فَقَدْ اهْتَدَى

# Terjemahan Hadith

- "Bagi tiap-tiap amal ada masa-masa rajinnya dan bagi setiap masa rajin ada masa futur (lemah / malas). Barangsiapa yang futurnya kepada perkara bid`ah, maka sesungguhnya ia telah tersesat dan barangsiapa yang futurnya kepada sunnahku, sesungguhnya ia telah memperoleh petunjuk." (Riwayat Al-Bazzar)

# Pengajaran Hadith

- Fahami naluri manusia apabila mengajak ke kebaikan
  - ada masa rajin dan malas.
- Nabi s.a.w ajar tidak tekan naluri semula jadi ini, tapi ajar bagaimana menguruskannya.
- Apabila datang waktu malas atau jemu dengan amal tertentu, ganti dengan amalan lain
  - maksud '*futurnya* kepada sunnahku', tinggalkan satu sunnah dengan ganti sunnah lain

- Rasulullah s.a.w mempelbagaikan sesuatu amalan
  - pelbagai jenis doa, solat, istighfar, zikir dll.
- Apabila jemu dengan sesuatu amal, boleh berpindah dengan amal yang baru dan lain.
- Panduan mendidik diri sendiri dan orang lain.
  - pelbagaikan amalan memastikan tahap keimanan yang tinggi dan proses pembersihan jiwa yang berterusan, selama mana dalam batas keupayaan untuk elak jemu dan malas serta kekalkan minat
  - jangan tenggelam dalam satu bentuk aktiviti, penglibatan atau amalan.